

Bekalan air terjejas angkara gajah liar

**Tangki tadahan
musnah, paip
pecah ambil
masa lama
untuk dibaiki**

Gua Musang: Lebih 300 penduduk Orang Asli suku Batek di Kampung Aring 5, di sini berdepan masalah bekalan air bersih selepas tiga tangki tadahan air bukit di kawasan penempatan itu dimusnahkan sekumpulan gajah liar.

Dalam kejadian kira-kira jam 11 malam kelmarin, bukan hanya tiga tangki air dipecahkan, malah saluran paip ke rumah penduduk turut pecah dipijak kumpulan gajah berkenaan.

Penghulu Orang Asli Kampung Aring 5, Rina Anjang, 47, berkata kejadian disedari jam 6 pagi semalam selepas penduduk men-

dapati bekalan air bersih ke rumah mereka terputus sebelum ke lokasi tadahan air bukit berkenaan untuk memeriksa keadaan.

Katanya, lokasi itu terletak kira-kira tiga kilometer dari kawasan penempatan terbabit dan mengambil masa sejam untuk sampai sebelum penduduk kampung dikejutkan dengan penemuan paip pecah dipercayai dipijak gajah liar.

"Ketika penduduk tiba di lokasi tadahan, tiada gajah yang kelihatan dipercayai sudah masuk ke kawasan hutan berhampiran.

"Usaha membaik pulih dijangka mengambil sedikit masa dan terserah kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Ini mungkin menyebabkan penduduk terpaksa berdepan masalah air bersih untuk tempoh yang panjang," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, di sini semalam.


Penduduk, Husin Selik, 61, pula

menjelaskan kejadian itu yang pertama kali berlaku di situ walaupun pernah beberapa kali gajah liar ditemui berkeliaran di kawasan penempatan berkenaan, namun sekadar memusnahkan tanaman penduduk seperti pisang.

"Kali ini, gajah liar itu memusnahkan tiga tangki dan paip air hingga tidak boleh lagi digunakan. Kemungkinan kita terpaksa menggunakan air dari anak sungai berhampiran kampung walaupun tidak terjamin kebersihannya," katanya.

Beliau berkata, penduduk tidak mampu membaik pulih tangki dan paip air yang rosak teruk itu kerana membabitkan perbelanjaan tinggi.

"Kami berharap JAKOA boleh mengambil tindakan segera untuk menukar tangki dan paip yang dimusnahkan gajah liar itu supaya masalah keperluan air bersih tidak terganggu terlalu lama," katanya. **BERNAMA**



Kali ini, gajah liar itu

memusnahkan tiga tangki dan paip air hingga tidak boleh lagi digunakan.

Kemungkinan kita terpaksa menggunakan air dari anak sungai berhampiran kampung walaupun tidak terjamin kebersihannya.

**Husin Selik,
Penduduk**